

20 MAR 1997

McDonnell-Mara

MCDONNELL DOUGLAS AKAN TUBUH PUSAT LATIHAN DI M'SIA

ST. LOUIS, Missouri, 20 Mac (Bernama)-- Syarikat McDonnell Douglas, pengeluar pesawat tentera utama dunia, akan mengadakan usahasama dengan MARA menubuhkan sebuah pusat latihan aeroangkasa dekat Kuala Lumpur.

Pengerusi Lembaga McDonnell Douglas Corporation (MDC), John McDonnell, berkata di sini pada hari Rabu pusat latihan itu yang menawarkan kursus teknikal dalam penyelenggaraan dan pengeluaran pesawat akan dijalankan dengan kerjasama Utah State University.

Pusat itu dijangka akan mengambil sehingga 720 dan 250 akan tamat setiap tahun, katanya selepas upacara penerimaan pesawat Hornet F/A 18 D yang pertama dari lapan buah oleh Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar bagi pihak TUDM dari kilang MDC di sini.

Di bawah perjanjian penyertaan industri MDC dengan Malaysia, pengeluar pesawat itu membekalkan kemahiran perjenteraan kadar kelajuan tinggi berserta dengan teknologi terkini yang lain, katanya.

Dalam ucapannya, McDonnell mengimbas kembali lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke kompleks MDC di sini pada tahun 1994: "Saya masih ingat satu perkara yang beliau nyatakan ketika kami membawa beliau melalui Phantom Works. Apabila beliau nampak pusat perjenteraan kelajuan tinggi yang mengeluarkan bahagian besar pesawat dari tongkol-tongkol aluminium, beliau sangat tertarik. beliau telah berkata 'Saya mahu satu daripada ini di negara kami'."

McDonnell berkata MDC membekalkan pesawat F/A 18s kepada Malaysia manakala Malaysia akan membekalkan komponen-komponen pesawat komersial MD-80 dan MD-90 syarikat itu.

Malaysia dan MDC masih mengkaji mengenai jenis komponen yang boleh dikeluarkan oleh Malaysia untuk pesawat komersial "tetapi ia akan dihantar dari Malaysia tidak lama lagi," kata McDonnell.

Sementara itu, dalam laporan tahunannya, MDC mencatatkan pendapatan rekod pada tahun 1996 sebanyak AS\$788 juta sebahagian besarnya dari jualan pesawat tentera. Pendapatan bagi jualan pesawat komersial turun 15 peratus pada tahun 1996 selepas kenaikan 23 peratus pada tahun 1995.

Pada tahun 1995 MDC menjual 24 buah jet berkembar MD-90 dan 12 buah MD-80 dibandingkan dengan 14 MD-90 dan 18 MD-80 pada tahun 1995. Rancangan pengeluaran pesawat komersial bagi tahun 1997 menjangkai pejualan jet berkembar 20MD80/90 sedikit tinggi dari tahun 1996.

Para penganalisis berkata pengeluaran pesawat komersial MDC mungkin tergugat berikutan dengan penggabungan antara McDonnell Douglas dengan Boeing di mana Boeing dijangka akan menguasai pengeluaran di bahagian itu sementara McDonnell Douglas memberi tumpuan kepada pesawat tentera dan perniagaan sistem pertahanan.

Syarikat gabungan itu akan dinamakan Boeing company. Nama McDonnell akan dikekalkan dalam perniagaan berkaitan dengan sistem pertahanan dan produk yang dikeluarkan oleh bahagian komersial MDC, Douglas Aircraft Co. akan mengekalkan jenama "MD", kata laporan itu. -- BERNAMA

SH WAT